

# PM beri penjelasan

BM 23 DEC 1990

**KUALA LUMPUR:** Jawatankuasa Khas Umno yang ditubuhkan bagi mengkaji resolusi perhimpunan agungnya mengenai Raja dan Perlembagaan awal bulan ini, belum lagi membuat perakuannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan perhimpunan agung Umno lalu, antara lain mencadangkan resolusi berkenaan dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja dan pindaan dibuat terhadap Akta Hasutan bagi membolehkan rakyat mengkritik raja-raja.

"Kami belum lagi membincang dan membuat keputusan mengenai cadangan itu," kata Presiden Umno kepada pengarang-pengarang akhbar di pejabatnya setelah kembali dari lawatan tidak rasmi seminggu ke London, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun berkata, ada kemungkinan beliau dan Timbalannya, Encik Ghafar Baba akan menghadap raja-raja.

"Kami akan berkongsi bersama tanggungjawab yang diamanahkan itu," katanya menjelaskan laporan dari London kelmarin mengenai usul perhimpunan agung Umno itu.

Laporan itu memetik Perdana Menteri sebagai berkata kerajaan tidak akan meminda Akta Hasutan dan Encik Ghafar akan menemui Majlis Raja-Raja bagi menjelaskan perbincangan dan ketetapan perhimpunan agung Umno mengenai Raja dan Perlembagaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Jawatankuasa Khas Umno juga belum menyiapkan kajiannya ke atas cadangan supaya pindaan dibuat terhadap Akta Hasutan.

Perdana Menteri tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang selepas seminggu berada di luar negara, pagi semalam.